

## Pengenalan

- ➔ Duti setem ialah cukai yang dikenakan ke atas dokumen/surat cara yang tersenarai di bawah Jadual Pertama, Akta Setem 1949 yang mempunyai kesan perundangan, komersil atau kewangan

## Kepentingan Duti Setem

- ➔ Dokumen/surat cara hendaklah disetamkan dengan sempurna supaya ia boleh diterima sebagai bukti di mahkamah

## Tempoh Masa Penyeteman

- ➔ Dalam tempoh 30 hari dari tarikh ianya disempurnakan dalam Malaysia
- ➔ Dalam tempoh 30 hari selepas ianya pertama kali diterima dalam Malaysia sekiranya ia disempurnakan di luar Malaysia

## Jenis Duti

- ➔ Duti Tetap
  - Duti dikenakan tanpa ada kaitan dengan balasan atau amaun yang dinyatakan dalam surat cara
  - Contoh surat cara:  
Surat kuasa wakil, perkara-perkara persatuan bagi syarikat, nota janji hutang, polisi insurans, surat cara pendua dan sebagainya
- ➔ Duti Ad Valorem
  - Duti dikenakan berdasarkan nilai dinyatakan dalam dokumen/surat cara atau nilai pasaran
  - Contoh surat cara:  
Surat cara pindah milik harta tanah, saham, perniagaan, perjanjian sewa, perjanjian pinjaman dan sebagainya

## Adjudikasi Surat Cara/Dokumen

- ➔ Permohonan adjudikasi dokumen/surat cara perlu dikemukakan ke Pejabat Setem bagi menentukan amaun duti yang dikenakan

## Kaedah Penyeteman

- ➔ Setem Tertera (mesin frangki/frangki digital)
- ➔ Setem Pelekat - Setem Hasil
- ➔ Resit Rasmi - Kew.38
- ➔ Resit/Sijil Setem (dijana oleh STAMPS)

## Penalti

- ➔ RM25.00 atau 5% dari duti yang berkurangan, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetamkan dalam tempoh 3 bulan selepas tempoh penyeteman
- ➔ RM50.00 atau 10% dari duti yang berkurangan, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetamkan selepas 3 bulan tetapi tidak lewat daripada 6 bulan selepas tempoh penyeteman
- ➔ RM100.00 atau 20% dari duti yang berkurangan, yang mana lebih tinggi, sekiranya disetamkan selepas 6 bulan selepas tempoh penyeteman

# STAMP

Stamps Assessment and Payment System  
visit: [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

# DUTI SETEM